

**PILA – MUJONG FMU**  
**Forest Timber Licence No. T/0518 (STIDC)**

**POLISI KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR**

SONG LOGGING COMPANY SDN. BHD. (SONG LOGGING) komited dengan nilai korporat kami untuk menjalankan operasi perniagaan dengan cara yang tidak memudaratkan alam sekitar dan melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor dan pelawat premis melalui pelaksanaan dan promosi amalan kerja selamat dalam alam sekitar yang mampan dan dengan cara yang bertanggungjawab. Nilai korporat ini akan dimaklumkan kepada semua pekerja, kontraktor, pembekal dan pelawat permis dengan sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, polisi ini akan dapat dicapai dengan:

- Peruntukan dan penyelenggaraan tempat kerja yang selamat;
- Pematuhan kepada semua piawaian dan peraturan berkenaan dengan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar;
- Penekanan terhadap keselamatan tempat kerja dan promosi kerja berpasukan dengan melaporkan keadaan kerja yang berbahaya kepada penyelia or pengurus dengan serta-merta dalam usaha pencegahan kemalangan;
- Melatih para pekerja supaya mereka melaksanakan tugas dengan cekap, selamat dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar;
- Menilai aktiviti kerja, kemudahan dan program dengan pengauditan tingkah laku, proses kerja, sistem pengurusan dan peralatan secara sistematik; dan
- Mengalak semua pekerja, kontraktor, pembekal dan pelawat premis menyokong dan menyumbang idea untuk memenuhi piawaian dan keperluan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

Pihak pengurus, pekerja, kontraktor dan pihak berkepentingan akan mengambil bahagian dalam perundingan yang membina dan penuh kerjasama berkaitan dengan perkara-perkara Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, apabila diperlukan.



**LIM HONG HIN**  
**Pengarah**  
September 2021